

Pendekatan holistik jadikan media Malaysia lebih wibawa



Oleh Dr Mastura Mahamed
bhrencana@bh.com.my

Dalam reaksi terhadap laporan *Reporters Without Borders* (RSF) mengenai kemerosotan prestasi Malaysia dalam Indeks Kebebasan Media Dunia 2024, Pusat Kewar-tawanan Bebas (CIJ) menyifatkan ia didorong akibat tindakan kerajaan menapis dan menyekat hantaran atau perkongsian menyentuh sentimen 3R (agama, Raja dan kaum).

Amnesty International pula mendakwa kebebasan bersuara di Malaysia merosot selepas lebih setahun Kerajaan Perpaduan berkuasa disebabkan campur tangan pem- rintah dalam bidang media.

Meskipun pada mulanya terdapat langkah positif menggalakkan kebebasan media, se- perti penghapusan akta dikatakan me-

ngongkong media, namun perkembangan ini be- lum mencapai taraf memuaskan. Contohnya, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 masih memberi kuasa kepada pihak berkuasa memantau dan me- ngawal kandungan media.

Melihat laporan ini, industri media perlu me- mikirkan kaedah holistik dalam meningkatkan ke- bebasan dan fungsi mereka sebagai *The Fourth Estate*, berperanan sebagai pengimbang antara kuasa Legislatif, Eksekutif dan Kehakiman.

Kerajaan pula perlu meningkatkan kerjasama de- ngan pengamal media dan ahli akademik untuk

memastikan garis panduan pelaporan berita di- patuhi tanpa menyentuh sensitiviti 3R.

Selain itu, untuk mempromosi kebebasan media mengikut konteks tempatan, penting bagi Malaysia meningkatkan kesedaran rakyat dan pengamal me- dia memastikan kebebasan didambakan tidak di salah guna termasuk melakukan reformasi menyeluruh dalam bidang media.

Langkah perlu diambil termasuk memperkuat- kan undang-undang bagi melindungi kebebasan media, menghapuskan undang-undang boleh disa- lahgunakan atau menindas media, serta memas- tikan wartawan dan pengamal media dilindungi daripada tekanan politik atau ancaman.

Selain itu, pendekatan kolaboratif antara kera- jaan, industri media dan masyarakat juga penting untuk memastikan kebebasan media seimbang serta berkualiti. Ini termasuk menggalakkan dialog terbuka antara semua pihak berkepentingan dan membangunkan kod etika mengiktiraf kepenti- ngan kebebasan media sambil memastikan integ- riti melaporkan berita.

Dalam konteks global semakin kompleks ini, penting bagi Malaysia terus berusaha meningkat- kan kebebasan media sebagai satu asas kepada amalan demokrasi kukuh.

Dengan memastikan akses bebas kepada mak- lumat dan memelihara ruang perbincangan serta perbezaan pendapat dengan hormat dan hemat, Malaysia dapat memastikan pembangunan mam- pan dan inklusif bagi setiap lapisan masyarakat.

Bagi meningkatkan ranking dan memperbaiki

mekanisme kebebasan media tanpa menyentuh sensitiviti 3R, pelbagai cadangan boleh diambil ki- ra termasuk memperkuat perlindungan un- dang-undang terhadap kebebasan media.

Ia termasuk memastikan pemilikan syar media le- bih seimbang dan berpecah kepada pelbagai pemilik berbeza, memperkenalkan dasar menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti dalam industri media.

Selain itu, pembinaan kesedaran awam menge- nai pentingnya kebebasan media dalam masya- kat demokratik juga penting. Ini boleh dilakukan melalui pendidikan dan kempen kesedaran awam memberi tumpuan kepada nilai seperti pluralisme, kebebasan berkarya dan akses kepada maklumat berkualiti.

Perbincangan dengan pemegang taruh bersama media, kerajaan, masyarakat dan badan antara- bangsa untuk mencari penyelesaian bersepadu ju- ga boleh memberikan impak positif meningkatkan kebebasan media di Malaysia.

Keterbukaan kerajaan mengadakan rundingan serta perbincangan bagi menangani berita palsu atau penyebaran maklumat tidak benar di negara ini bersama badan bertauliah RSF amat dialu-alu- kan bagi meningkatkan kefahaman perbezaan dan persamaan landskap media di Malaysia berbanding negara lain.

Hadirnya cabaran mutakhir melanda landskap media kini memerlukan satu pendekatan holistik membabitkan penyertaan pelbagai pihak bagi menjadikan landskap media Malaysia lebih progresif dan berwibawa.

Pensyarah
Kanan, Jabatan
Komunikasi,
Fakulti Bahasa
Moden dan
Komunikasi,
Universiti Putra
Malaysia